



**LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA**  
(LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 ( Akta 458 ) ]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 JLD.9 / (55)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)

laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)



Februari 2023

Rejab 1444H

**Semua Juruukur Tanah Berlesen**

**YBhg. Datuk Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan**

**PEKELILING  
LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

---

**PEPERIKSAAN BAHAGIAN II – PENGEMUKAAN TUGAS AMALI DI BAWAH  
BAHAGIAN V, PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011**

---

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan syarat-syarat pilihan yang diberikan kepada calon Peperiksaan Bahagian II (Pengemukaan tugas amali) di bawah Bahagian V, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 (PPJTB 2011).

**2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) merupakan Lembaga Profesional yang antara fungsinya adalah mengadakan peperiksaan bagi membolehkan seseorang yang berkelayakan untuk berdaftar sebagai seorang Juruukur Tanah Berdaftar.
- 2.2 Berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan pada masa ini, seseorang yang ingin mendaftar diri sebagai Juruukur Tanah Berdaftar hendaklah lulus

tiga (3) peperiksaan sepertimana yang dinyatakan di bawah Bahagian V, PPJTБ 2011 iaitu:

- a. Bahagian I - Amalan Kadaster;
- b. Bahagian II - Pengemukakan tugas amali; dan
- c. Bahagian III - Peperiksaan amali dan lisan.

2.3 Berdasarkan kepada peruntukan di bawah sub peraturan 21(3), PPJTБ 2011, Jawatankuasa Peperiksaan, dengan kelulusan Lembaga, boleh mengeluarkan arahan kepada pemeriksa, pengawas peperiksaan dan orang berartikel (calon) sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk pengendalian peperiksaan. Selaras dengan itu, Lembaga dalam Mesyuarat Lembaga ke 535 pada 29 Januari 2023 telah meluluskan syarat-syarat pilihan untuk pelaksanaan Bahagian II – Pengemukakan Tugas Amali, PPJTБ 2011.

### **3. SYARAT-SYARAT PILIHAN BAGI PEPERIKSAAN BAHAGIAN II**

Selain daripada syarat-syarat sedia ada dalam PPJTБ 2011, calon boleh memilih syarat-syarat pilihan sepertimana yang dinyatakan dalam jadual di **Lampiran A** Pekeliling ini.

### **4. PEMAKAIAN**

Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua calon yang berdaftar dengan LJT sebagai orang berartikel dan telah memenuhi syarat dinyatakan di bawah Bahagian III (Artikel), PPJTБ 2011.


### **5. TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(Sr HAJI MOHAMMAD ZAKI BIN MOHD GHAZALI)  
Pengerusi  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

s.k.

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II  
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster  
Pengarah-Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri  
Presiden PEJUTA

## SYARAT-SYARAT PILIHAN BAGI PEPERIKSAAN BAHAGIAN II, PPJTB 2011 – PENGEMUKAAN TUGAS AMALI

Bil.	Syarat-syarat sedia ada yang dinyatakan di bawah Peperiksaan Bahagian II, PPJTB 2011– Pengemukaan Tugas Amali	Syarat-syarat pilihan bagi Peperiksaan Bahagian II, PPJTB 2011– Pengemukaan Tugas Amali
1.	<p><b>Pengemukaan projek ukur hakmilik</b></p> <p>Calon hendaklah mengemukakan buku kerja lapangan, pengiraan yang berkaitan, pelan dan data digital yang menepati piawai Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia termasuk laporan tidak kurang daripada lima ratus perkataan bagi perkara berikut:</p> <p>(a) Suatu ukur hakmilik yang melibatkan pecah sempadan atau bermilikan lot untuk bangunan (kediaman, komersial atau industri atau kombinasi ketiga-tiganya) dan ukuran itu hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengandungi tidak kurang daripada lima puluh lot yang sempurna. Pecah sempadan atau beri milikan sebahagian lot atau kombinasi lebih daripada satu lot boleh diterima;</li> <li>ii. Termasuk tanam pastian atau penggantian tanda sempadan; dan</li> <li>iii. Termasuk penentuan azimut dengan cerapan matahari.</li> </ul>	<p>Selain daripada syarat sedia ada yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011, syarat-syarat pilihan berikut adalah terpakai kepada semua calon:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Calon boleh melaksanakan tugas amali ini dengan melakukan sendiri pengukuran menggunakan projek Juruukur Tanah Berlesen (JTB) lain yang belum pernah digunakan oleh mana-mana calon dengan mendapat kelulusan JTB berkenaan dan Lembaga;</li> <li>ii. Calon boleh menggunakan gabungan maksimum mana-mana tiga (3) projek bagi mendapatkan jumlah 50 lot sepertimana yang disyaratkan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011 dengan mendapat kelulusan Lembaga;</li> <li>iii. Calon boleh menggunakan projek yang terdapat kekurangan bilangan lot namun tidak terlampau ketara berbanding yang disyaratkan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011 dengan mendapat kelulusan Lembaga;</li> </ul>

Bil.	Syarat-syarat sedia ada yang dinyatakan di bawah Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011	Syarat-syarat pilihan bagi Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011
		<ul style="list-style-type: none"> <li>iv. Calon boleh menggunakan lot-lot ukuran yang mana Pelan Akui (PA) telah diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN) untuk tujuan pengemukaan tugas amali, dengan syarat PA tersebut belum pernah digunakan oleh mana-mana calon terdahulu serta mendapat persetujuan PUPN dan Lembaga. Ukuran boleh menggunakan kaedah semasa, namun penghantaran PA dan data-data hasil ukuran lot-lot tersebut hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dalam bentuk <i>hardcopy</i>; dan</li> <li>v. Walau apa pun yang dinyatakan dalam para (i) hingga (iv) di atas, calon hendaklah memenuhi syarat-syarat asas pengukuran yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011 serta Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan (PKPUP) berkaitan yang sedang berkuatkuasa.</li> </ul>
	<p>(b) Suatu ukur hakmilik yang melibatkan pecah sempadan lot untuk bangunan (kediaman, komersial atau industri atau kombinasi ketiga-tiganya).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempunyai keluasan tidak kurang daripada 2.5 hektar yang bertujuan untuk pembangunan bercampur;</li> <li>ii. Termasuk tanam pastian atau penggantian tanda sempadan;</li> </ul>	<p>Selain daripada syarat sedia ada yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011, syarat-syarat pilihan berikut adalah terpakai kepada semua calon:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Calon boleh melaksanakan tugas amali ini dengan melakukan sendiri pengukuran menggunakan projek JTB lain yang belum pernah digunakan oleh mana-mana calon dengan mendapat kelulusan JTB berkenaan dan Lembaga;</li> </ul>

Bil.	Syarat-syarat sedia ada yang dinyatakan di bawah Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011	Syarat-syarat pilihan bagi Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011
	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Termasuk ukuran untuk rizab jalan; dan</li> <li>iv. Termasuk penentuan azimut dengan cerapan matahari.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Calon boleh menggunakan projek yang mana keluasan lotnya lebih kecil namun tidak terlampau ketara berbanding yang disyaratkan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011 dengan mendapat kelulusan Lembaga;</li> <li>iii. Calon boleh menggunakan lot-lot ukuran yang mana PA telah diluluskan oleh PUPN untuk tujuan pengemukaan tugas amali, dengan syarat PA tersebut belum pernah digunakan oleh mana-mana calon terdahulu serta mendapat persetujuan PUPN dan Lembaga. Ukuran boleh menggunakan kaedah semasa, namun penghantaran PA dan data-data hasil ukuran lot-lot tersebut hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dalam bentuk <i>hardcopy</i>; dan</li> <li>iv. Walau apa pun yang dinyatakan dalam para (i) hingga (iii) di atas, calon hendaklah memenuhi syarat-syarat asas pengukuran yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011 serta PKPUP berkaitan yang sedang berkuatkuasa.</li> </ul>
	<p>(c) Suatu ukur hakmilik untuk tanah pertanian merangkumi tiga atau lebih lot berdampingan di mana keluasan cantuman tidak kurang daripada tujuh hektar. Ukuran itu hendaklah termasuk :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Termasuk dua daripada sempadannya yang bertindih dan diletakkan semula berdasarkan ukuran yang diluluskan terdahulu;</li> </ul>	<p>Selain daripada syarat sedia ada yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011, syarat-syarat pilihan berikut adalah terpakai kepada semua calon:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Calon boleh melaksanakan tugas amali ini dengan melakukan sendiri pengukuran menggunakan projek JTB lain yang belum pernah digunakan oleh mana-mana</li> </ul>

Bil.	Syarat-syarat sedia ada yang dinyatakan di bawah Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011	Syarat-syarat pilihan bagi Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011
	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Termasuk tanam pastian atau penggantian tanda sempadan; dan</li> <li>iii. Termasuk penentuan azimut dengan cerapan matahari.</li> </ul>	<p>calon dengan mendapat kelulusan JTB berkenaan dan Lembaga;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Calon boleh menggunakan projek yang mana keluasan lotnya lebih kecil, namun tidak terlampau ketara berbanding yang disyaratkan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011 setelah mendapat kelulusan Lembaga.</li> <li>iii. Calon boleh menggunakan lot-lot ukuran yang mana PA telah diluluskan oleh PUPN untuk tujuan pengemukaan tugas amali, dengan syarat PA tersebut belum pernah digunakan oleh mana-mana calon terdahulu serta mendapat persetujuan PUPN dan Lembaga. Ukuran boleh menggunakan kaedah semasa, namun penghantaran PA dan data-data hasil ukuran lot-lot tersebut hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dalam bentuk <i>hardcopy</i>; dan</li> <li>iv. Walau apa pun yang dinyatakan dalam para (i) hingga (iii) di atas, calon hendaklah memenuhi syarat-syarat asas pengukuran yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011 serta PKPUP berkaitan yang sedang berkuatkuasa.</li> </ul>

Bil.	Syarat-syarat sedia ada yang dinyatakan di bawah Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011	Syarat-syarat pilihan bagi Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011
2.	<p><b>Pengemukaan projek ukur pemetaan topografi.</b></p> <p>Pemetaan topografi skala besar suatu kawasan berkeluasan tidak kurang daripada sepuluh hektar. Ukuran itu termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ukuran kawalan mendatar dengan kaedah trabas yang mengikut piawai ukur kadaster;</li> <li>ii. Penentuan azimut dengan cerapan matahari;</li> <li>iii. Ukuran kawalan tegak dengan kaedah ukur aras;</li> <li>iv. Ukuran butiran semula jadi dan butiran buatan manusia; dan</li> <li>v. Ukuran ketinggian titik dan melukis garisan kontur, sela kontur tidak kurang daripada dua meter.</li> </ul>	<p>Selain daripada syarat sedia ada yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011, syarat-syarat pilihan berikut adalah terpakai kepada semua calon:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Calon boleh melaksanakan tugas amali ini dengan melakukan sendiri pengukuran menggunakan projek JTB lain yang belum pernah digunakan oleh mana-mana calon dengan mendapat kelulusan JTB berkenaan dan Lembaga;</li> <li>ii. Calon boleh menggunakan projek yang mana keluasan kawasan ukuran lebih kecil namun tidak terlampau ketara berbanding yang disyaratkan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011 setelah mendapat kelulusan Lembaga; dan</li> <li>iii. Walau apa pun yang dinyatakan dalam para (i) hingga (ii) di atas, calon hendaklah memenuhi syarat-syarat asas pengukuran yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011 serta PKPUP berkaitan yang sedang berkuatkuasa.</li> </ul>



Bil.	Syarat-syarat sedia ada yang dinyatakan di bawah Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011	Syarat-syarat pilihan bagi Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011
3.	<p><b>Pengemukaan projek ukur kejuruteraan.</b></p> <p>Pengukuran suatu cadangan jalan jarak tidak kurang daripada satu kilometer. Pengukuran itu hendaklah termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Terbitan datum dari tanda sempadan;</li> <li>ii. Ukur kawalan mendatar mengikut piawai ukur kadaster;</li> <li>iii. Ukur kawalan tegak dengan kaedah ukur aras;</li> <li>iv. Pemancangan hak laluan;</li> <li>v. Menandakan garis tengah laluan;</li> <li>vi. Ukur topografi jalur dan ukur butiran jalur; dan</li> <li>vii. Profil longitud dan keratan rentas.</li> </ul>	<p>Selain daripada syarat sedia ada yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011, syarat-syarat pilihan berikut adalah terpakai kepada semua calon:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Calon boleh melaksanakan tugas amali ini dengan melakukan sendiri pengukuran menggunakan projek JTB lain yang belum pernah digunakan oleh mana-mana calon dengan mendapat kelulusan JTB berkenaan dan Lembaga;</li> <li>ii. Calon boleh menggunakan projek ukur kejuruteraan yang melibatkan jajaran selain daripada jalan seperti laluan keretapi, sungai dan seumpamanya dengan mendapat kelulusan Lembaga; dan</li> <li>iii. Walau apa pun yang dinyatakan dalam para (i) hingga (ii) di atas, calon hendaklah memenuhi syarat-syarat asas pengukuran yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011 serta PKPUP berkaitan yang sedang berkuatkuasa.</li> </ul>

Bil.	Syarat-syarat sedia ada yang dinyatakan di bawah Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011	Syarat-syarat pilihan bagi Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011
4.	<p><b>Pengemukaan projek pemetaan fotogrametri atau projek ukur hidrografi.</b></p> <p>Pemetaan fotogrametri skala besar (skala 1:10,000 atau skala lebih besar) suatu kawasan diliputi tidak kurang daripada dua model fotogrametri. Projek itu hendaklah termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengukuran kawalan bumi;</li> <li>ii. Perwakilan paramuka dengan garis kontur sela lima meter dan ketinggian titik-titik;</li> <li>iii. Pengumpulan ciri-ciri topografi yang relevan; dan</li> <li>iv. Gambaran mutakhir plot fotogrametri mengikut sehampirnya spesifikasi peta Siri Pemetaan Bandar Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.</li> </ul> <p><b>ATAU</b></p> <p>Ukur batimetri skala sederhana (skala 1:5,000 atau skala lebih besar) tidak kurang daripada dua puluh lima hektar suatu kawasan pinggir pantai di mana garis ukur batimetri yang dijalankan pada jarak tidak lebih daripada satu sentimeter skala plot. Ukuran itu hendaklah termasuk:</p>	<p>Selain daripada syarat sedia ada yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011, syarat-syarat pilihan berikut juga adalah terpakai kepada semua calon:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Calon boleh melaksanakan tugas amali ini dengan melakukan sendiri pengukuran menggunakan projek JTB lain yang belum pernah digunakan oleh mana-mana calon dengan mendapat kelulusan JTB berkenaan dan Lembaga;</li> <li>ii. Bagi projek pemetaan fotogrametri, calon boleh menggunakan teknologi terkini seperti <i>unmanned aircraft/aerial system</i> (UAS) atau seumpamanya bagi melaksanakan pemetaan fotogrametri dengan mendapat kelulusan Lembaga;</li> <li>iii. Bagi projek ukur hidrografi, calon boleh menggunakan teknologi terkini bagi projek ukur batimetri pesisir pantai atau perairan darat (<i>inland waters</i>) seperti tasik, sungai dan seumpamanya dengan mendapat kelulusan Lembaga; dan</li> <li>iv. Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya sijil kompetensi Hydrography Category B (CAT B) yang diktiraf oleh International Hydrographic Organization</li> </ul>

Bil.	Syarat-syarat sedia ada yang dinyatakan di bawah Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011	Syarat-syarat pilihan bagi Peperiksaan Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali, PPJTB 2011
	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengukuran kawasan persisir;</li> <li>ii. Penetapan pancang pasang surut dan cerapan pasang surut; dan</li> <li>iii. Pandu arah luar persisir dan penentududukan menggunakan sama ada jarak-bearing atau jarak-jarak sistem penentududukan elektronik atau perbezaan masa hakiki <i>Global Positioning System</i> (GPS).</li> </ul>	<p>(IHO) atau setaraf dengannya boleh dipertimbangkan pengecualian oleh Lembaga daripada melaksanakan tugas amali bagi bahagian ini; dan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>v. Walau apa pun yang dinyatakan dalam para (i) hingga (iii) di atas, calon hendaklah memenuhi syarat-syarat asas pengukuran yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011 serta PKPUP berkaitan yang sedang berkuatkuasa.</li> </ul>
5.	<p><b>Pengemukaan projek reka bentuk susun atur pecah sempadan.</b></p> <p>Suatu skim untuk apa-apa jenis pembangunan mempunyai keluasan lebih kurang empat hektar yang menunjukkan jalan keluar masuk, susun atur lot-lot iaitu termasuk tanah lapang dan kemudahan asas bersesuaian dengan pembangunan berkenaan dan mengikut keperluan perancangan semasa untuk pembangunan sedemikian.</p>	<p>Selain daripada syarat sedia ada yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, PPJTB 2011, syarat-syarat pilihan berikut juga adalah terpakai kepada semua calon:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Calon boleh menghantar pelan reka bentuk susun atur pecah sempadan tanpa perlu mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</li> </ul>